



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

13 Oktober 2019

1. Digigit Anjing jiran; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Lokal	Muka Surat <input type="text" value="17"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
13 .10.2019			

Oleh Alias Abd Rani
lias@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

DIGIGIT ANJING JIRAN

Budak dua tahun keluar rumah dengan nenek beli aiskrim parah



“Ketika kejadian, saya baru hendak menunaikan solat Zohor sebelum terdengar tangisan anak. Saya ingatkan dia terjatuh,” kata Farhana Mahadi@Shasya, 27, ketika menceritakan anaknya, Kaisya Amanda Mohamad Sabri, 2, cedera digigit anjing.

Kejadian berlaku jam 2.20 petang kelmarin di sebuah taman perumahan di Kulai, Johor, ketika kanak-kanak itu bersama neneknya, Shahbanu Moin, 47, keluar membeli aiskrim.

Menceritakan kejadian, Farhana berkata, tangisan yang didengari berlainan daripada biasa, lalu dia bergegas turun melihat kejadian sebenar.

“Saya tanya suami, dia beritahu Kaisya cedera digigit anjing jiran.

“Pada ketika itu, bajunya dipenuhi darah dan ada luka sedalam lebih dua sentimeter pada lengan dan belakang.

“Kebetulan suami baru siap ke tempat kerja selepas solat Jumaat. Dia segera membawa Kaisya ke unit kecemasan Hospital Kulai untuk rawatan lanjut,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Sebelum itu, Farhana berkongsi kejadian menimpa anaknya menerusi Facebook dengan menulis: “Apa perasaan anda bila anjing jiran gigit anak sampai teruk begini?”

“Mami reda, tapi papa tidak boleh terima. Anak kau kat dalam tengah cuci luka, nangis jerit-jerit. Kau kat luar hanya mampu dengar dia nangis. Dan kau ikut menangis dari luar,”

Status itu mendapat pelbagai reaksi dan rata-rata menyaran pasangan itu membuat laporan polis.

Farhana berkata, pada hari kejadian, penjual ais-krim kebetulan memberhentikan motosikal berdekatan rumah pemilik anjing terbabit.

Katanya, Kaisya berjalan terlebih dahulu manakala ibu mentuanya di belakang kerana dia berjalan perlahan.

“Saya diberitahu, jiran terbabit tidak menutup pintu pagar dengan rapat dan anjing itu terus menerpa ke arah Kaisya.

“Waktu itu, bajunya berlumuran darah dan kami terpaksa menggunakan tisu untuk mengelak darah terus keluar. Sebaik tiba di hospital, Kaisya ditahan di wad dan doktor segera mencuci luka itu bagi mengelak jangkitan kuman,” katanya.

Kaisya dibenarkan pulang dan doktor memberitahu kanak-kanak itu perlu menjalani rawatan susulan di klinik kesihatan setiap hari.

“Saya akan mendapatkan surat laporan perubatan dari hospital bagi membolehkan kami mengambil tindakan saman atau sebagainya terhadap pemilik anjing terbabit,” katanya.

KESAN luka di belakang dan tangan Kaisya Amanda akibat gigitan anjing.